



Headline: RM511,760 lesap diperdaya 'Sarjan Rosli'  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 15 May 2020

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 20

## RM511,760 lesap diperdaya 'Sarjan Rosli'

**Kuala Terengganu:** Seorang peniaga mendakwa kerugian RM511,760 selepas diperdaya 'Sarjan Rosli' pada 7 April lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu, Superintendan M Zambri Mahmud, berkata mangsa lelaki berusia 32 tahun itu menerima panggilan daripada suspek memperkenalkan diri sebagai 'Sarjan Rosli' dari IPK Sabah, pada jam 9.30 pagi.

Beliau berkata, suspek memaklumkan mangsa dikesan terbahit dalam kegiatan pengubahan wang haram, bagaimanapun mangsa menafikan tuduhan suspek.

"Suspek meminta mangsa memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun diberikan dengan alasan untuk pembekuan akaun.

"Mangsa yang ketakutan akur dengan arahan suspek dan segera memindahkan wang daripada akaun bank miliknya ke dalam akaun bank yang diberikan suspek pada hari sama. Se-

lepas melakukan pemindahan wang, suspek berterusan mengganggu mangsa apabila meminta memindahkan lagi wang kononnya bagi tujuan membantu mangsa menyelesaikan kesnya.

"Mangsa yang berulang kali diganggu suspek membuat 14 transaksi bernilai RM511,760," katanya ketika dihubungi, semalam.

M Zambri berkata, mangsa kemudian menyedari dirinya menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu, Selasa lalu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Sementara itu, di **Kepala Batas**, dua lelaki terpaksa menanggung kerugian RM18,336.60 apabila diperdaya sindiket yang menawarkan pinjaman kewangan selepas melihat tawaran iklan menarik di laman Facebook.

Kedua-dua mangsa berusia 30-an, masing-masing berhasrat membuat pinjaman RM30,000 kemudian berurusan dengan seo-

rang individu yang mendakwa sebagai wakil bank tempatan melalui aplikasi WhatsApp.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata mangsa kemudian dihubungi seorang individu yang mendakwa daripada bahagian pinjaman peribadi sebuah bank.

"Selepas menyatakan persetujuan untuk membuat pinjaman bagi kegunaan peribadi, kedua-dua mangsa diminta membuat pelbagai bayaran, termasuk wang proses pinjaman, bayaran ansurans selama sembilan bulan,


bayaran tamatkan CTOS dan bayaran insurans sebagai wang proses permohonan pinjaman itu.

"Mangsa pertama yang bekerja sebagai juruteknik membuat empat transaksi ke dalam empat akaun berbeza berjumlah RM11,267, manakala mangsa kedua seorang jurujual membuat tiga transaksi ke dalam satu akaun berjumlah RM6,969.60. Semua wang yang dipindahkan kedua-dua mangsa berjumlah RM18,336.60," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, selepas kedua-dua mangsa membuat bayaran mereka diarahkan membuat bayaran tambahan sehingga mereka menyedari diperdaya oleh sindiket penipuan.

"Mangsa meminta wang dikembalikan namun tidak diendahkan suspek, sebelum mereka membuat laporan polis semalam (kelmarin).

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

 **Mangsa yang berulang kali diganggu suspek membuat 14 transaksi bernilai RM511,760.**

**M Zambri Mahmud,**  
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial IPK Terengganu